

# Sasar tarik pelaburan berteknologi tinggi: PM

Malaysia sedia terokai inovasi, industri baharu Korea Selatan

BH-25/11/2019

m/s: 2



**Malaysia** menyasarkan untuk menarik lebih banyak pelaburan berteknologi tinggi dari Korea Selatan, susulan hasrat negara itu untuk memfokuskan semula pandangannya ke rantau ASEAN.

Walaupun Vietnam muncul sebagai negara yang mendapat manfaat utama daripada pembaharuan minat oleh Seoul itu, namun Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Mohd Ashri Muda, berkata Malaysia juga tidak terlepas daripada menerima limpahannya.

"Vietnam sedang menarik industri berintensif buruh. Kekuatan Malaysia adalah dalam sektor berteknologi tinggi dan kita yakin mempunyai kelebihan dalam hal ini," katanya kepada pemberita Malaysia di sini, kelmarin menjelang ketibaan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke

bandar pelabuhan selatan Korea itu.

Perdana Menteri tiba di Pangkalan Udara Gimhae petang semalam, diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, bagi menyertai Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea (ROK) yang akan berlangsung hari ini.

Korea Selatan diiktiraf sebagai ekonomi paling inovatif di dunia di bawah Indeks Inovasi Tahunan Bloomberg 2019.

Pembabitan Korea Selatan dalam Dasar Pandang Ke Timur Malaysia sejak 1982 menjadi ciri penting kepada pembangunan Malaysia.

Di bawah Dasar Pandang Timur (LEP) 2.0 yang baharu, Malaysia bersedia untuk meneroka kekuatan Korea Selatan dalam teknologi dan inovasi yang maju, termasuk industri baharu, kecerdasan buatan, ekonomi digital, industri pengilangan robot dan industri pintar serta industri aeroangkasa.

Pada 2018, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan mencatatkan peningkatan 7.2 peratus kepada AS\$17.98 bilion (RM72.60 bilion), berbanding AS\$15.76 bilion (RM67.71 bilion)



**Dr Mahathir tiba di Pangkalan Udara Gimhae** bagi menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea. (Foto BERNAMA)

pada 2017.

Korea Selatan adalah rakan perdagangan kelapan terbesar di dunia dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke-13 terbesar pada 2018.

Ashri berkata, selain perdagangan dan pelaburan, Malaysia dengan giat mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan.

"Kira-kira 620,000 rakyat Korea melawat Malaysia setahun dan kita merancang untuk meningkatkan jumlah ini, terutama sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) tahun depan.

"Rakyat Korea seolah-olah tertarik kepada Malaysia, tetapi pada sisi lain, rakyat Malaysia juga melawat Korea," kata Ashri yang mendedahkan lebih 416,000 rakyat Malaysia melawat Korea tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, lebih banyak promosi akan dilaksanakan di Korea sempena Tahun Me-

lawat Malaysia 2020.

Malaysia menerima 616,783 pelancong dari Korea Selatan pada 2018, peningkatan 27.3 peratus.

Dari Januari hingga Julai 2019, sejumlah 393,177 pelancong dari Korea Selatan melawat Malaysia, peningkatan 10.3 peratus berbanding tempoh sama pada 2018.

Selain sidang kemuncak itu, Dr Mahathir akan melawat kemudahan di Industri Aeroangkasa Korea, kilang Hyundai Rotem Changwon dan Samsung Heavy Industries Goeje Shipyard di Busan.

Dr Mahathir akan ke Seoul pada Rabu untuk lawatan rasmi selama dua hari, lawatan rasmi yang pertama ke Korea Selatan sejak memegang jawatan Perdana Menteri ketujuh.

Ketika lawatan itu, beliau akan disertai Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Menteri Air, Tanah

dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking.

Pada Khamis, Dr Mahathir akan memimpin delegasi Malaysia pada pertemuan dua hala dengan Presiden Korea Selatan, Moon Jae-In bagi membincangkan usaha meningkatkan hubungan, ketika Malaysia dan Korea Selatan menuju ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara pada 2020.

Selepas mesyuarat itu, kedua-dua pemimpin akan menyaksikan penandatanganan empat memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara, iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kerajaan Digital, Sains Kesihatan dan Perubatan serta Pengurusan Air dan Pembe-